



PERSEPSI MAHASISWA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS TERHADAP KURSUS CTU211 SAINS DAN TEKNOLOGI ISLAM

ANALYSIS OF UITM STUDENT'S PERCEPTION IN LEARNING SCIENCE AND TECHNOLOGY IN ISLAM (CTU211)

Wan Mohd Amjad Wan Halim^{1*}, Siti Hanisah Sabri², Afiffudin Mohammed Noor³, Nor Iman Nabila
Abu Bakar⁴, Nor Syahida Hashim⁵, Nor Fatin Syuhaidah Nayan⁶

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis
Email: amjadhalim@uitm.edu.my/oneamjad1993@gmail.com

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis
Email: nisah_sabri@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis
Email: afiffudin@uitm.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis
Email: imannabila@uitm.edu.my

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis
Email: norsyahida@uitm.edu.my

⁶ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis
Email: fatinsyuhaidah@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 31.05.2022

Published date: 21.06.2022

To cite this document:

Halim, W. M. A. W., Sabri, S. H.,
Noor, A. M., Bakar, N. I. N. A.,
Hashim, N. S. & Nayan, N. F. S.
(2022). Persepsi Mahasiswa
Universiti Teknologi Mara Cawangan
Perlis Terhadap Kursus CTU211
Sains Dan Teknologi Islam. *Journal*

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Mahasiswa merupakan aset yang amat berharga dalam membina peradaban bangsa di sesebuah negara. Kemandirian mahasiswa itu untuk mendepani cabaran globalisasi dan persaingan dalam pasaran yang sengit, kualiti subjek dan sukatan pelajaran yang dipelajari di universiti tidak kurang pentingnya dalam membentuk mahasiswa berdaya saing. Merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Syed Saddiq yang mendakwa bahawa subjek wajib di universiti dilihat sebagai bebanan kepada mahasiswa. Menurut beliau, subjek wajib tersebut perlu dijadikan elektif sahaja kerana ia tidak penting serta menyebabkan memakan masa yang lama. Disebabkan kursus CTU211 merupakan subjek wajib bagi mahasiswa diploma sains UiTM, maka sudah tentu subjek tersebut menerima tempias daripada kenyataan tersebut. Satu kajian awal perlu dilakukan bagi membuktikan kerelevanan subjek wajib khususnya di Universiti Teknologi Mara. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji persepsi mahasiswa diploma Universiti Teknologi

of Information System and Technology Management, 7 (26), 43-55.

DOI: 10.35631/JISTM.726004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Mara cawangan Perlis terhadap kursus Sains dan Teknologi Islam memandangkan subjek ini adalah wajib bagi mahasiswa diploma dalam bidang sains secara umumnya di universiti berkenaan. Pengkaji menggunakan metode campuran kualitatif dan kuantitatif melalui kajian kepustakaan dan kaedah temu bual pensyarah yang mengajar kursus CTU211. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Selain itu, pengkaji menjalankan kaji selidik kepada 250 orang informan yang terdiri daripada mahasiswa diploma dalam bidang sains dan perladangan semester sesi Oktober 2021/Mac 2022. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS. Kajian ini penting dalam mengkaji persepsi mahasiswa kerana subjek ini merupakan salah satu teras dalam pembinaan pandangan alam Islam mahasiswa bahawa ilmu sains merupakan fardu kifayah ilmu yang dituntut dalam agama Islam. Hasil tinjauan awal mendapati mahasiswa berpandangan bahawa kursus ini amat penting dalam membina kerangka pemikiran Islam dalam diri mereka. Mahasiswa juga berpandangan bahawa kursus ini relevan dan perlu diteruskan dalam usaha mendidik serta melestarikan anak bangsa khususnya dalam mengintegrasikan ilmu duniawi dan ukhrawi.

Kata Kunci:

Fardu Kifayah, Persepsi, Sains Dan Teknologi Islam, Subjek Wajib

Abstract:

The quality of students played a crucial role in the development of the nation. Therefore, the impacts of subject teaching at the university are undeniably vital to realizing Malaysia's aspiration in producing industry-competitive and highly effective students. In response to the statement made by Yang Berhormat Syed Saddiq recently, who claimed that compulsory courses in the university are considered a burden for the students and therefore these courses should only be made electives because they are irrelevant and took considerable time. Concerning this matter, UiTM has made CTU 211 as one of the compulsory subjects in which students are required to take this subject at the diploma level and are also affected by this issue. Thus, this study aims to analyze the perception of UiTM Arau's students towards learning Science and Technology in Islam as a preliminary course in the university particularly students who are majoring in the science program. The study involves 250 respondents consisting of students majoring in Computer Sciences, Applied Sciences, and Agrotechnology students. This study is quantitative and qualitative in nature whereby the data were collected via a questionnaire survey and interviews and was analyzed using descriptive statistics. Whereas, the interviews were conducted by the researchers involving senior lecturers who are prominent in this subject matter to get the extensive results from the discussion. The findings suggest that students have a positive perception of the subject and they are aware of the course outcomes in shaping the Islamic ideological framework. Furthermore, they also agreed that this course is relevant and should be continued as an effort to nurture the students with Islamic ethics, especially in integrating both; Islamic traditional knowledge of faith together with modern knowledge.

Keywords:

Compulsory Subject, Fardu Kifayah, Perception, Science And Technology In Islam

Pendahuluan

Isu keruntuhan akhlak dalam kalangan mahasiswa amat membimbangkan. Menurut Ahmad (2017) subjek berkaitan pendidikan Islam sepatutnya menjadi kursus teras khususnya di universiti awam. Hal ini demikian kerana isu-isu berkaitan salah laku keruntuhan akhlak mahasiswa yang semakin membimbangkan. Tambahan pula, kes-kes berkaitan jenayah syariah yang semakin meningkat saban tahun di Mahkamah Syariah. Pembinaan sahsiah mahasiwa perlu dipandang serius kerana sekadar bijak dalam akademik tidak memadai sekiranya mempunyai akhlak yang buruk (Shahnon, 2021). Gejala keruntuhan akhlak perlu ditangani daripada akar umbi supaya isu tersebut dapat diselesaikan dengan penuh hikmah. Umat Islam perlu sedar bahawa isu ini tidak boleh dipandang enteng serta dianggap picisan. Bagi menangani isu tersebut, penghayatan pembangunan insan acuan junjungan besar Rasulullah S.A.W perlu diresapi dan ditekankan dalam diri umat Islam (Hasan, 2019).

Selain itu, merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Syed Saddiq yang mempersoalkan kerelevanan subjek wajib di institut pengajian tinggi di Malaysia. Menurut beliau, subjek yang berkaitan bahasa dan keagamaan perlu disemak dan diaudit semula. Hal ini demikian kerana, subjek-subjek tersebut telah melambatkan proses pengajian seseorang untuk bergraduasi di Malaysia berbanding di negara United Kingdom yang hanya mengambil masa 3 tahun bagi pengajian ijazah sarjana muda. Oleh itu, beliau berpandangan bahawa kursus-kursus tersebut tidak perlu dijadikan wajib tetapi hanya sebagai elektif atau subjek pilihan sahaja (Syed Rahman, 2021).

Ridhuan Tee mengkritik pandangan tersebut dengan menyatakan bahawa subjek teras universiti amat penting dalam membina mahasiswa yang mempunyai jati diri (Abdullah, 2021). Lebih-lebih lagi isu yang melibatkan keruntuhan akhlak dan jati diri dalam kalangan pelajar semakin meruncing pada era globalisasi. Subjek keagamaan di setiap tahap pendidikan sewajarnya diperkasakan, bukan dijadikan elektif atau lebih teruk lagi dimansuhkan (Azizee, 2022).

Bagi mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang selari dengan akal dan akhlak mahasiswa, sewajarnya mahasiswa mempunyai pegangan khusus membina jati diri mereka. Universiti pula adalah medium utama manakala pemilihan program dan subjek subjek yang mengisi minda mahasiswa semasa di universiti adalah signifikan bagi menghadapi cabaran dunia semakin sofistikated. Oleh yang demikian subjek teras universiti dan pendidikan Islam perlu diperkasakan bagi mendepani cabaran tersebut (Abdullah, 2021). Tambahan pula, subjek teras dan keagamaan di universiti adalah untuk membina apresiasi nilai falsafah kehidupan bagi membina jati diri mahasiwa berintelektual tinggi (Muhammad, 2021).

Sorotan Literatur

Budaya terlalu mengagungkan barat sudah menapak sekian lama dalam pemikiran masyarakat melayu di Malaysia. Perkara ini terjadi kerana penjajahan oleh barat kepada negara kita. Meskipun negara ini telah mencapai kemerdekaan pada sekitar separuh abad ke 19 namun, boleh dikatakan selain daripada kemerdekaan fizikal negara ini masih dijajah terutama dari sudut pemikiran yang masih mendokong semangat dan roh sekularisme (Hazim et al., 2021). Sejarah telah membuktikan umat pernah berada dipuncak kegemilangan peradaban dengan kombinasi keilmuan sains, teknologi dan Islam telah menguasai blok Barat mahupun Timur. Pencapaian masa lampau telah membanggakan dunia sehingga ke hari ini. Setelah berabad Islam menguasai pentas dunia, ternyata pembangunan yang dicapai dalam aspek keilmuan, seni

bina, sains, teknologi dan sebagainya tidak dapat ditandingi pada waktu tersebut oleh sebarang kuasa luar. (Mohd Nor, 2010).

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kejayaan umat Islam lampau dan terkini dalam membina peradaban. Antara yang utama adalah dorongan akal kearah kemaslahatan dan mengoptimumkan potensi akal dalam membangunkan dan memperkembangkan potensi diri manusia serta alam sejagat terutama dalam bidang sains dan teknologi. Menurut Zakariya (2019) sifat utama seorang pemikir Muslim dalam membina sebuah tamadun Islam bukan bermatlamat untuk mencapai kemajuan materialistik, sebaliknya para pembina tamadun Islam menghasilkan sebuah kemajuan yang holistik mencakupi dunia dan akhirat.

Bukti-bukti pencapaian tamadun Islam dalam bidang ilmu pengetahuan bermula dengan budaya "*Iqra*" sebagai pembuka dorongan kepada keterbukaan sarjana Islam bersungguh-sungguh mencari ilmu dalam pelbagai disiplin keilmuan, generasi terdahulu berpegang kepada ilmu adalah hikmah yang hilang daripada orang mukmin, justeru di mana mereka memperolehnya ia berhak ke atas hikmah tersebut, maka generasi ilmuwan Islam terdahulu bersungguh - sungguh mensintesis idea-idea daripada pelbagai budaya seperti Yunani, Farsi, Mesir kuno, India dan China di saat empayar Islam berkembang pesat (Zakariya, 2019). Demikian manfaat sifat dan sikap keterbukaan sarjana dalam disiplin ilmu, ia menjadi prasyarat utama dalam pembangunan dan perkembangan sains Islam (Azhar, 2017).

Di samping itu, kesan globalisasi sedikit sebanyak telah merencatkan budaya keilmuan yang telah lama menjadi asas dalam Islam. Biarpun Islam meraikan manfaat positif, hakikatnya kesan negatif globalisasi telah merisaukan sesetengah pihak. Terutama kemerosotan nilai akhlak dan moral serta sistem agama dalam cara hidup dan kebudayaan yang diamalkan (Suhid, 2005). Lebih merisaukan apabila implikasi dunia tanpa sempadan ini turut merobek akhlak dan moral mahasiswa. Sebagai aset kepada negara mereka berdepan dengan musuh utama iaitu krisis moral dan ketandusan idea. Selain itu kes seks bebas, najis dadah dan jenayah kolar putih adalah wabak yang semakin membimbangkan. Seterusnya masyarakat turut menggelarkan 'mahasiswa lesu' bagi menunjukkan manifestasi kegagalan mahasiswa untuk membentuk nilai keperibadian tinggi (Berita Harian, 2020).

Secara asasnya, pemilihan program di institusi pengajian tinggi ia berteraskan kepada konsep keilmuan bersepadu, di mana ia meliputi aspek penting sahsiah diri seperti akal, jasmani, rohani dan material. Dari skop pendidikan pula, ia bersepadu meliputi matlamat pendidikan, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, sahsiah pendidik serta penerapan nilai murni di kalangan mahasiswa. Ini menunjukkan bahawa konsep bersepadu ini merupakan konsep holistik yang tidak hanya tertumpu kepada mahasiswa bahkan kepada tenaga pengajar (Nasir et al., 2018).

Dari skop sains dan teknologi pula, mahasiswa didedahkan dengan penerapan dan teknologi ilmu pendidikan, mereka juga memiliki tanggungjawab dalam membangunkan modal insan para mahasiswa seperti yang dituntut kepada perkataan pendidikan itu sendiri. Mereka bukanlah hanya menurunkan ilmu dunia seperti sains dan teknologi, tetapi juga bertanggungjawab untuk membangunkan keyakinan dan keimanan kepada Allah SWT, membentuk akhlak para pelajar mereka ke arah insan yang benar-benar mengamalkan ilmu keduniaan berlandaskan ajaran Islam (Jasmi et al., 2016).

Hal ini kerana besar peranan institusi pengajian tinggi ke arah membina insan berilmu dan berkualiti tinggi. Ia menjadi lebih komprehensif kepada peranan mahasiswa abad ini dalam menggembleng amanah sebagai 'bayangan' untuk melihat pemimpin masa hadapan. Justeru, dua ciri utama mahasiswa berkualiti yang digariskan adalah memiliki aspek intelektualisme dan spiritualisme. Hal ini akan dapat menyokong mereka ke tahap lebih tinggi dalam struktur masyarakat. Oleh itu, mahasiswa disaran perlu berani keluar untuk membantu masyarakat dalam pelbagai kaedah inisiatif penyelesaian (Berita Harian, 2020).

Metodologi Kajian

Bagi menjayakan objektif kajian ini, pengkaji menggunakan metode campuran kualitatif dan kuantitatif melalui kajian kepustakaan dan kaedah temu bual pensyarah yang mengajar kursus CTU211. Kajian kepustakaan yang dijalankan melibatkan artikel, makalah, jurnal, akhbar dan majalah. Data yang diperolehi tersebut disaring, ditafsir serta dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Melalui kaedah temu bual pula, pengkaji menggunakan soalan separa berstruktur dengan menggunakan soalan terbuka tetapi berfokus kepada tajuk bagi mendapatkan jawapan daripada informan berdasarkan pandangan dan pendirian mereka sendiri. Selain itu, pengkaji menjalankan kaji selidik kepada 250 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa diploma dalam bidang sains gunaan, sains komputer dan agro teknologi bagi semester Oktober 2021/Mac 2022. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS.

Instrumen Kajian

Bagi kaedah temu bual yang dijalankan, pengkaji menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan yang dikemukakan kepada informan ialah mengenai latar belakang kursus CTU211 Sains dan Teknologi Islam, mahasiswa yang diwajibkan untuk mengambil kursus CTU211 Sains dan Teknologi Islam, objektif utama kursus CTU211 Sains dan Teknologi Islam dan signifikan kursus tersebut dalam pembinaan kerangka pandangan alam Islam kepada mahasiswa UiTM. Data yang diperolehi melalui temu bual ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan yang telah dibahagikan mengikut tema-tema tertentu.

Kajian ini juga menggunakan soal selidik yang merangkumi dua bahagian. Bahagian A mengandungi item yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina, umur dan kod program. Bahagian B merangkumi 10 soalan yang berkaitan dengan pengetahuan dan persepsi pelajar terhadap Subjek CTU211. Skala Likert yang terdiri daripada lima pilihan digunakan bagi pelajar menyatakan darjah persetujuan terhadap setiap item yang dikemukakan samaada Sangat Tidak Setuju(1), Tidak Setuju (2), Sederhana Setuju (3), Setuju (4), dan Sangat Setuju (5). Jadual 2 menunjukkan kandungan skala pengukuran bagi soal selidik ini termasuk nilai alfa Cronbach, α secara keseluruhan dan bagi setiap konstruk yang diperolehi daripada kajian rintis.

Jadual 1: Nilai Pekali Alfa Cronbach

Alfa Coefficient Range	Kekuatan Hubungan	Alfa Coefficient Range
<0.6	Lemah	<0.6
0.6<0.7	Sederhana	0.6<0.7
0.7<0.8	Baik	0.7<0.8
0.8<0.9	Terbaik	0.8<0.9

Sumber: (George dan Mallery (2003)

Hasil dan Perbincangan

Melihat realiti hukum semasa banyak penemuan baharu bidang sains dan teknologi bukan sahaja telah mengubah gaya hidup malah memberi kesan kepada hukum fiqh semasa, maka wajar dan signifikan ilmu fiqh bergerak seiring dengan kemajuan sains dan teknologi (Berita Harian, 2019). Justeru itu pihak Universiti Teknologi Mara mengambil tindakan wajar dengan mewujudkan kursus CTU211 berkenaan Sains Teknologi Islam bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa menghayati bidang epistemologi Islam. Oleh itu, kursus ini diwajibkan kepada semua mahasiswa Islam yang berada bahagian ke tiga pengajian daripada aliran sains tulen dan dikecualikan aliran akaun, geomatik, sukan dan bukan Muslim (Azhar Rahman, 2022).

Matlamat Kursus CTU211 Sains dan Teknologi Islam adalah bagi melahirkan teknokrat Muslim yang seimbang duniawi dan ukhrawi. Maka sewajarnya para mahasiswa diberi pendedahan konsep sains dan teknologi dalam Islam serta sejarah perkembangannya. Oleh yang demikian, hasil pembelajaran daripada subjek ini akan membincangkan mengenai kemukjizatan al-Quran, al-Sunnah serta aplikasi kaedah fiqh dan maqasid syariah bagi menangani isu etika dalam sains dan teknologi (Noor Azura, 2021).

Subjek CTU211 juga sebagai medium penting kepada mahasiswa Islam agar mereka tidak terpisah dengan agama semasa proses pembelajaran mereka. Antara manfaat besar bagi mahasiswa yang telah mengikuti kursus ini mereka akan memperolehi nilai tambah penting dan berharga untuk membangunkan diri sendiri sebagai pekerja dan majikan Muslim yang mengaplikasikan ilmu keduniaan dan keakhiratan pada masa mendatang. Hal ini kerana dalam kursus ini mahasiswa akan didedahkan dengan kemahiran yang menjelaskan ilmu sains dan teknologi Islam seperti aplikasi etika dan moral dalam pengkajian bidang sains dan teknologi semasa. Tambahan lagi, melalui kursus ini, setiap individu dapat menjadikan elemen pembelajaran berterusan dan praktik ibadat dalam profesion masing masing (Zainuddin, 2021).

Bagi memenuhi kriteria teknokrat Muslim, pihak universiti telah menggariskan tiga objektif utama bagi kod kursus CTU211 subjek Sains dan Teknologi Islam. Kriteria tersebut ialah menghuraikan konsep asas falsafah kegemilangan sains dan teknologi Islam. Melalui objektif ini mahasiswa diperkenalkan zaman keemasan saintis dan teknokrat Muslim seperti al-Jazari dalam bidang kejuruteraan, al-Zahrawi dalam bidang perubatan dan Maryam al-Astrolabi dalam bidang pengukuran (Ismail, 2022).

Objektif seterusnya ialah mempamerkan nilai akhlak dalam kepelbagaian landskap budaya berasaskan huraian ayat al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan sains dan teknologi. Menerusi objektif ini, mahasiswa dilatih dengan akhlak dan perilaku saintis dan teknokrat Muslim seimbang duniawi dan ukhrawi. Mahasiswa juga didedahkan dengan pendekatan saintis dan teknokrat Muslim yang mendapat dorongan menjalankan aktiviti penyelidikan daripada al-Quran dan al-Sunnah (Ismail, 2022).

Menurut Noor Azura (2022), kefahaman dan penguasaan mahasiswa terhadap kursus CTU211 turut diuji melalui pelaksanaan objektif terakhir iaitu membuat pentaksiran secara bertulis serta aktiviti atas talian hasil perbincangan mengenai aplikasi kaedah fiqh dan maqasid syariah dalam menangani isu etika sains dan teknologi (Ufuture UiTM, 2022). Daripada hasil pengajian kursus CTU211 mahasiswa akan dapat membentuk mereka cara berfikir menggunakan kaedah al-Quran dan al-Sunnah serta mengaplikasikan pelaksanaan maqasid

syariah untuk memenuhi kepentingan (*masalah*) dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan (*mafsadah*). Demikian cara Allah S.W.T mengajarkan umat Islam agar sentiasa menjadikan sumber-sumber Islam sebagai panduan untuk memacu teknologi ke arah yang komprehensif dan lebih teratur demi mewujudkan masyarakat Islam majmuk yang lebih berkualiti dan berinovasi berteraskan keilmuan Islam. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Anbiya' ayat 80 yang bermaksud: “*Dan kami mengajar Nabi Daud membuat baju besi unntuk kamu menjaga keselamatan kamu dalam mana-mana peperangan kamu, maka adakah kamu sentiasa bersyukur?*”.

Sains dan teknologi menduduki tempat yang signifikan dalam pandangan alam Islam. Mempelajari ilmu Sains dan Teknologi boleh menyumbang kepada pengukuhan iman seseorang. Hal ini demikian kerana, melalui pengajian ilmu Sains dan Teknologi umat Islam bukan sekadar mempercayai dan mengimani secara teoritikal semata-mata malah dapat diberikan pembuktian saintifik serta tidak dapat disangkal oleh akal yang sihat. Tidak dinafikan bahawa bukan semata-mata mempelajari ilmu sains boleh membawa hamba mengenal pencipta, tetapi ia hanya wasilah yang boleh memantapkan lagi keimanan seseorang hamba. Buktinya, dapat dilihat dalam al-Quran yang menceritakan proses kejadian manusia. Ilmu tersebut boleh dikatakan masih baru ditemui oleh manusia melalui alat perubatan yang canggih sedangkan telah disebutkan dalam al-Quran lebih 1400 tahun lalu. Begitu juga dalam kejadian alam semesta yang merupakan manifestasi kepada tanda-tanda kekuasaan dan keagungan kerajaan Allah S.W.T (Khalid Ismail, 2022).

Selain itu, wacana Sains dan Teknologi Islam juga amat penting dalam memenuhi keperluan kemanusiaan. Berdasarkan data daripada Program Makanan Sedunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menegaskan bahawa seramai 41 juta manusia berisiko besar mengalami kebuluran. Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 27 juta berbanding tahun 2019 (Sinar Harian, 2021). Bagi menangani isu ini, melakukan rekayasa kajian sains dan teknologi dalam perladangan amat penting melalui agroteknologi berteraskan roh syariat Islam. Sebagai contoh, kajian terhadap teknik hibrid tanaman dan peralatan perladangan yang lebih canggih untuk menggandakan hasil tuaian boleh menyelesaikan masalah kebuluran. Dalam erti kata yang lain, menuntut ilmu dalam bidang sains dan teknologi Islam dapat memberikan manfaat yang besar terutama dalam memenuhi keperluan manusiawi (Ismail, 2022).

Di samping itu, dimensi sains dan teknologi mengikut acuan al-Quran dan Sunnah ialah tidak bebas nilai. Hal ini demikian kerana, ilmu sains dan teknologi itu terikat merupakan fardu kifayah. Oleh itu, ia terikat dengan nilai-nilai akhlak Islamiah. Ilmu sains dan teknologi juga bersifat sepadu dengan konsep tauhid serta tidak boleh dipisahkan atau diasingkan dengan nilai-nilai Islam. Kajian sains dan teknologi yang dihasilkan tidak boleh bercanggah dengan kehendak syarak. Sebagai contoh, penghasilan senjata kimia, pengklonan kad kredit bagi tujuan mencuri dan teknologi pembedahan untuk menukar jantung. Sekiranya tidak ditekankan penghayatan tauhid dalam sains dan teknologi nescaya akan berleluasa kemungkaran dan kemafsadatan di atas muka bumi ini (Ismail, 2022).

Persepsi Mahasiswa UiTM Cawangan Perlis Terhadap Subjek CTU211**Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan**

Pemboleh ubah kajian	Item	Nilai Cronbach (α)
Pengetahuan pelajar	3	.713
Persepsi pelajar	7	.922

Sumber: (Analisis Menggunakan Perisian SPSS, 2022)

Jadual 2 menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi pengetahuan dan persepsi mahasiswa diploma Universiti Teknologi Mara Cawangan Perlis terhadap subjek CTU211. Nilai Alfa Cronbach bagi pengetahuan pelajar ialah 0.713 di mana ketiga-tiga item bagi pengetahuan pelajar berada pada julat koefisien alfa yang baik. Nilai Alfa Cronbach bagi tujuh item di bawah persepsi pelajar ialah 0.922 iaitu berada pada tahap terbaik berdasarkan julat koefisien alfa.

Jadual 3: Maklumat Demografi

Pemboleh ubah	Kategori	Min	Peratus Keabsahan (%)
Jantina	Lelaki	95	38.0
	Perempuan	155	62.0
Bidang Pengajian	Sains Gunaan	104	41.3
	Sains Komputer	95	35.7
	Agro Teknologi	56	22.2

Sumber: (Analisis Menggunakan Perisian SPSS, 2022)


Jadual 3 menunjukkan maklumat demografi responden yang terdiri daripada 95 (38.0%) lelaki dan 155 (62.0%) perempuan. Dari segi kod program, majoriti responden terdiri daripada pelajar Sains Gunaan 104 (41.3%) diikuti oleh pelajar Sains Komputer 95 (35.7) dan pelajar Agro Teknologi 56 (22.2%).

Jadual 4: Pengetahuan Mahasiswa UiTM Cawangan Perlis Terhadap Subjek CTU211 (n=250)

No	Item	Nilai Kekeperan dan Peratus					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	SS	S	SGS		
1	Saya tahu subjek CTU211 adalah subjek wajib bagi kod program saya	0 (0.0)	6 (2.4)	25 (10.0)	83 (33.0)	136 (54.4)	4.40	.766
2	Saya tahu apa yang akan dipelajari dalam subjek CTU211	0 (0.0)	4 (1.6)	36 (14.4)	142 (56.8)	68 (27.2)	4.10	.688
3	Saya mengetahui tentang sejarah kegemilangan Sains dan Teknologi Islam melalui subjek CTU211	0 (0.0)	1 (0.4)	36 (13.2)	126 (50.4)	90 (36.0)	4.22	.680
PURATA						4.24	.567	

Sumber: (Analisis Menggunakan Perisian SPSS, 2022)

Jadual 4 menunjukkan tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan subjek CTU211 menggunakan statistik deskriptif (kekerapan dan peratus, min dan sisihan piawai). Item 1 dengan nilai min 4.40 dan sisihan piawai 0.766 menunjukkan majoriti responden 136 (54.4%) sangat bersetuju bahawa mereka mengetahui subjek CTU211 adalah subjek wajib bagi kod program mereka diikuti dengan 83 (32.2%) responden yang bersetuju, 25 (10.0%) responden sederhana setuju dan 6 (2.4%) responden tidak bersetuju. Bagi item kedua, (M=4.10, SD=0.688), majoriti responden 142 (56.8%) bersetuju bahawa mereka mengetahui apa yang akan dipelajari dalam subjek CTU211 diikuti oleh 68 (27.2%) sangat bersetuju, 36 (14.4%) sederhana setuju dan 4 (1.6%) tidak bersetuju. Item terakhir bagi pengetahuan mahasiswa berkaitan subjek CTU211 iaitu saya mengetahui tentang sejarah kegemilangan Sains dan Teknologi Islam melalui subjek CTU211 menunjukkan bahawa majoriti responden 126 (50.4%) bersetuju, 90 (36.0%) sangat bersetuju dan 36 (13.2%) sederhana setuju. Terdapat seorang responden (0.4%) tidak bersetuju dengan item 3. Secara keseluruhannya, min bagi tahap pengetahuan pelajar berkaitan subjek CTU211 adalah tinggi dengan nilai 4.24 dan sisihan piawai 0.567.

**Rajah 1: Pengetahuan Mahasiswa UiTM Cawangan Perlis Mengenai Subjek CTU211 (n=250)**


**Jadual 5: Persepsi Mahasiswa UiTM Cawangan Perlis Terhadap Subjek CTU211
(n=250)****Sumber: Analisis Menggunakan Perisian SPSS**

No	Item	Nilai Kekekapan dan Peratus					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	SS	S	SGS		
4	Saya beranggapan bahawa subjek CTU211 dapat membantu untuk meningkatkan kefahaman perkaitan antara Islam dengan Sains dan Teknologi	0 (0.0)	1 (0.4)	14 (5.6)	85 (34.)	150 (60.0)	4.53	.621
5	Saya merasa gembira mempelajari subjek CTU211	0 (0.0)	0 (0.0)	20 (8.0)	100 (40.)	130 (52.0)	4.44	.639
6	Saya berpandangan bahawa subjek CTU211 adalah subjek yang patut dipelajari oleh semua pelajar terutama dalam bidang sains	0 (0.0)	2 (0.8)	35 (14.0)	73 (29.)	140 (56.0)	4.40	.756
7	Saya berpandangan bahawa subjek CTU211 perlu diteruskan kepada pelajar dalam bidang sains	0 (0.0)	4 (1.6)	32 (12.8)	90 (36.)	124 (49.6)	4.33	.760
8	Saya berpandangan bahawa subjek CTU211 memberi manfaat dalam membina jati diri sebagai teknokrat Muslim	0 (0.0)	0 (0.0)	17 (6.8)	97 (38.)	136 (54.4)	4.48	.622
9	Saya berpandangan bahawa subjek CTU211 mampu melahirkan mahasiswa yang seimbang dunia dan akhirat	0 (0.0)	3 (1.2)	11 (4.4)	82 (32.8)	154 (61.6)	4.54	.640
10	Saya menyokong subjek CTU211 dikekalkan kepada mahasiswa UiTM	1 (0.4)	7 (2.8)	33 (13.2)	72 (28.)	137 (54.8)	4.35	.842
PURATA							4.44	.579

Sumber: (Hasil Tinjauan Aplikasi Google Form, 2022)

Jadual 5 menunjukkan tahap persepsi mahasiswa terhadap subjek CTU211 menggunakan statistik deskriptif (kekekapan dan peratus, min dan sisihan piawai). Nilai min (4.53) dan sisihan piawai (0.621) bagi item 4 iaitu saya beranggapan bahawa subjek CTU211 dapat membantu untuk meningkatkan kefahaman perkaitan antara Islam dengan Sains dan Teknologi menunjukkan bahawa 150 (60.0%) responden sangat bersetuju diikuti oleh 85 (34.0%) responden bersetuju, 14 (5.6%) responden sederhana setuju dan 1 (0.4%) tidak bersetuju. Seterusnya, kesemua responden merasa gembira mempelajari subjek CTU211 dengan nilai min 4.44 dan sisihan piawai 0.639 di mana 130 (52.0%) responden sangat bersetuju, 100 (40.0%) responden bersetuju dan 20 (8.0%) responden sederhana setuju. 140 (56.0%) responden sangat bersetuju dengan pandangan bahawa subjek CTU211 adalah subjek yang patut dipelajari oleh semua mahasiswa terutama dalam bidang sains, diikuti oleh 73 (29.2%) responden bersetuju, 35 (14.0%) sederhana setuju dan 2 (0.8%) tidak bersetuju. Nilai min dan sisihan piawai bagi item 6 ialah 4.40 dan 0.756. Item 7 iaitu saya berpandangan bahawa subjek CTU211 perlu diteruskan kepada mahasiswa dalam bidang sains menunjukkan nilai min 4.33 dan sisihan piawai 0.760 menunjukkan bahawa 124 (49.6%) responden sangat bersetuju, 90 (36.0%) bersetuju, 32 (12.8%) sederhana setuju dan 4 (1.6%) tidak bersetuju. Sebanyak 136 (54.4%) responden sangat bersetuju dengan pandangan bahawa subjek CTU211 memberi manfaat

dalam membina jati diri sebagai teknokrat Muslim, diikuti dengan 97 (38.8%) bersetuju dan 17 (6.8%) responden sederhana setuju dengan nilai min 4.48 dan sisihan piawai 0.622. Item 9 iaitu saya berpandangan bahawa subjek CTU211 mampu melahirkan mahasiswa yang seimbang dunia dan akhirat ($M=4.54$, $SD=0.640$) menunjukkan bahawa 154 (61.6%) responden sangat bersetuju, 82 (32.8%) bersetuju, 11 (4.4%) dan 3 (1.2%) tidak bersetuju. Majoriti responden 137 (54.8%) sangat bersetuju dengan item 10 ($M=4.35$, $SD=0.842$) diikuti dengan 72 (28.8%) responden bersetuju dan 33 (12.2%) responden sederhana setuju. Walau bagaimanapun, terdapat 7 (2.8%) responden tidak bersetuju dan hanya seorang responden sahaja (0.4%) sangat tidak bersetuju agar subjek CTU211 dikekalkan kepada mahasiswa UiTM. Secara keseluruhannya, nilai min bagi persepsi pelajar terhadap subjek CTU211 adalah tinggi iaitu 4.44 dengan sisihan piawai 0.579.



Rajah 2: Persepsi Pelajar Mengenai Subjek CTU211 (n=250)

Sumber: (Hasil Tinjauan Aplikasi Google Form, 2022)

Kesimpulan

Kesimpulannya, zaman globalisasi memberikan cabaran besar dalam pembinaan akhlak mahasiswa. Isu-isu keruntuhan akhlak sewajarnya diberikan perhatian oleh umat Islam. Hal ini demikian kerana, sekiranya isu ini tidak ditangani dengan usaha yang holistik maka akibatnya akan ditanggung oleh negara pada masa akan datang. Perkara ini kerana mahasiswa merupakan aset penting bagi negara. Melihatkan kepada isu ini, subjek teras dan keagamaan sepatutnya perlu dikukuhkan serta ditambah baik. Tidak wajar sekiranya subjek teras universiti dan pendidikan Islam dijadikan elektif atau lebih teruk dimansuhkan. Bagi menangani isu penyirnaan akhlak mahasiswa, pihak Universiti Teknologi Mara menawarkan penyelesaian yang amat baik bagi membina jati diri saintis dan teknokrat Muslim seimbang duniawi serta ukhrawi. Integrasi ilmu sains yang disuluh oleh ilmu wahyu memberikan impak positif kepada pembinaan sahsiah mahasiswa. Melalui kursus CTU211, mahasiswa UiTM khususnya dalam bidang sains dibimbing menjadi saintis dan teknokrat Muslim acuan wahyu al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa kursus CTU211 Sains dan Teknologi Islam amat penting untuk dikekalkan serta disebar luaskan kepada mahasiswa dalam bidang pengajian lain. Berdasarkan kajian yang dijalankan juga, pengkaji amat yakin bahawa ramai mahasiswa Islam di negara ini yang sentiasa dahagakan dan mendambakan pengajian pendidikan berteraskan Islam di peringkat universiti diperbanyakkan.

Rujukan

- Abdullah, R. T. (2021). Wacana PPT 5 Kursus Wajib Universiti: Beban atau Keperluan. Dicapai pada 1 Februari 2022 melalui laman sesawang: <https://youtu.be/OwXusWv3Nt8>
- Ahmad, S. K. (2017). Syor Pendidikan Islam, Moral Jadi Subjek Teras Universiti Awam. Dicapai pada 2 Februari 2022 melalui laman sesawang: <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20171207/281749859688025>
- Azhar, A. (2017). Sains Dalam Kerangka Islam: Perspektif Amalan Saintis Muslim Silam (Science in the Islamic Framework: Perspective on Practice of Previous Muslim Scientists). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(2), 321-335.
- Azhar, M. H. M. (2021). Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Discourse on the Decolonization of Knowledge and the Formation of Local Wisdom through Philosophy Courses and Current Issues. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(1), 65-83.
- Berita Harian. (2019). Sains, Teknologi Bantu Penelitian Hukum Isu Semasa, dicapai pada 29 Januari 2022, melalui laman sesawang: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/12/638324/sains-teknologi-bantu-penelitian-hukum-isu-semasa>
- Berita Harian. (2020). Mahasiswa Nadi Penggerak Masyarakat Bertamadun, dicapai pada 30 Januari 2022, melalui laman sesawang: <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2020/02/653005/mahasiswa-nadi-penggerak-masyarakat-bertamadun>
- George, D., & Malley, P. (2003). *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference. 11.0 update (4th ed.)*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Hasan, M. A. (2022). Perkasa Pendidikan Islam, Bukan Mansuhkan. Dicapai pada 4 5 Februari 2022 melalui laman sesawang: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/911071/perkasa-pendidikan-islam-bukan-mansuhkan>
- Hasan, M. K. (2019). Tangani Keruntuhan Akhlak. Dicapai pada 3 Februari 2022, melalui laman sesawang: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/608746/tangani-keruntuhan-akhlak>
- Ismail, K. (2022). Temu bual pada 31 Januari 2022. Kepentingan Subjek CTU211 Sains dan Teknologi Islam dalam Membina Kerangka Pandangan Alam Islam Mahasiswa Sains UiTM Cawangan Perlis
- Jasmi, K. A., & Onn, U. T. M. (2016). Pendidikan sebagai medium penerapan Islam dalam Sains dan teknologi. *Pendidikan Sebagai Medium Penerapan Islam Dalam Sains Dan Teknologi*.
- Mohd Nor, M. R. (2010). *Meneladani Sejarah Umat Islam Dalam Membentuk Masyarakat Dalam Membentuk Masyarakat Hadhari Yang Gemilang Abad Ke 21*. *Jurnal Hadhari*. 2(2), 19-40.
- Muhammad, A. (2021). Wacana PPT 5 Kursus Wajib Universiti: Beban atau Keperluan. Dicapai pada 1 Februari 2022 melalui laman sesawang: <https://youtu.be/OwXusWv3Nt8>
- Nasir, N. F. M., Ghani, F. A., Salamat, M., & Husain, S. (2018). *Kajian Kerelevanan Pendidikan Ketamadunan (Subjek Mata Pelajaran Umum: Tamadun Islam Dan Tamadun Asia-Titas) Di Salah Sebuah Universiti Swasta. Selangor. A Study On The*

- Relevance Of Civilization Education (The Islamic And Asia Civilization-Titas]. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 3, 18, 46-54.*
- Rahman, A. (2022). Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara Kampus Arau Perlis. Temu bual pada 3 Februari 2022, Pengenalan Subjek CTU211 Sains dan Teknologi Islam dalam Membina Kerangka Pandangan Alam Islam Mahasiswa Sains UiTM Cawangan Perlis
- Rahman, A. (2022). Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara Kampus Arau Perlis. Temu bual pada 3 Februari, 2022. Pengenalan Kursus CTU211, Sains & Teknologi Islam.
- Shahnon, M. A. (2021). Masih Adakah Remaja Berakhlak Di Masa Depan?. Dicapai pada 4 Februari 2022, melalui laman sesawang: <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2021/05/masih-adakah-remaja-berakhlak-di-masa-depan/>
- Sinar Harian, (2021). 41 Juta Penduduk Dunia di Ambang Kebuluran. Dicapai pada 27 Januari 2022, Melalui Laman Sesawang: <https://www.bharian.com.my/dunia/lain-lain/2021/06/831247/41-juta-penduduk-dunia-di-ambang-kebuluran>
- Suhid, A. (2005). *Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi*. Jurnal Kemanusiaan, 6.
- Syed Rahman, S. S. (2021). *Kursus Dan Subjek Di Institusi Pengajian Tinggi Perlu Diaudit Semula*. Dicapai pada 7 Februari 2022, melalui laman sesawang: <https://www.astroawani.com/video-malaysia/kursus-dan-subjek-di-institusi-pengajian-tinggi-perlu-diaudit-semula-syed-saddiq-1901106>
- UFuture, UiTM. (2022). Aplikasi UFUTURE, Universiti Teknologi Mara. Dicapai pada 29 Januari 2022, melalui laman sesawang: <https://ufuture.uitm.edu.my/courses/summary/CTU211>
- Zainuddin, N. A. (2022). Penyelaras Subjek CTU211 Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara Kampus Arau Perlis. Temu bual pada 10 Januari 2022, Pengenalan Subjek CTU211 Sains dan Teknologi Islam dalam Membina Kerangka Pandangan Alam Islam Mahasiswa Sains UiTM Cawangan Perlis
- Zakariya, H. (2019). *Kegemilangan Tamadun Islam dan Sumbangannya Terhadap Pembinaan Tamadun Barat: The Glory of Islamic Civilization and Its Contributions in Building Western Civilization*. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 6(2), 49-57